



**SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM PRIHATIN –
KETIDAKTENTUAN GEOPOLITIK DAN EKONOMI GLOBAL
untuk pelanggan individu**

(Dikemaskini setakat 15 April 2026)

Bank Islam mengambil inisiatif untuk menawarkan Program Prihatin – *Ketidaktentuan Geopolitik dan Ekonomi Global* (untuk pelanggan individu) bagi membantu pelanggan yang terkesan dan mempunyai kesukaran untuk meneruskan bayaran dalam fasa pemulihan ini.

NO	SOALAN	JAWAPAN
1	Siapakah yang layak untuk memohon Program Prihatin – <i>Ketidaktentuan Geopolitik dan Ekonomi Global</i> ini?	Pelanggan Pembiayaan Perumahan, Pembiayaan Peribadi dan Pembiayaan Kenderaan Bank Islam yang terkesan dari segi pendapatan (contoh: pengurangan gaji / cuti tanpa gaji / pemberhentian kerja) disebabkan ketidaktentuan geopolitik dan ekonomi global dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan layak memohon.
2	Apakah kriteria permohonan Program Prihatin – <i>Ketidaktentuan Geopolitik dan Ekonomi Global</i> ?	<p>Kriteria permohonan Program Prihatin – <i>Ketidaktentuan Geopolitik dan Ekonomi Global</i> adalah seperti berikut:</p> <p>a) Akaun pelanggan tidak tertunggak melebihi 90 hari dan tidak diklasifikasikan sebagai pembiayaan tidak berbayar DAN;</p> <p>b) Pelanggan bukan seorang yang bankrap semasa tarikh permohonan dibuat.</p> <p><u>Nota</u> Bagi Pembiayaan Perumahan, kediaman yang dibiayai telah pun siap sepenuhnya dan diduduki oleh pelanggan yang terkesan.</p>
3	Apakah bentuk program yang ditawarkan di bawah Program Prihatin – <i>Ketidaktentuan Geopolitik dan Ekonomi Global</i> ?	Program yang ditawarkan adalah penangguhan bayaran ansuran bulanan sehingga enam (6) bulan bermula pada bulan berikutnya selepas kelulusan permohonan ini.
4	Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan Program Prihatin – <i>Ketidaktentuan Geopolitik dan Ekonomi Global</i> ?	<p>Borang permohonan Program Prihatin - <i>Ketidaktentuan Geopolitik dan Ekonomi Global</i> boleh diperolehi di laman sesawang rasmi Bank Islam > Need Assistance > Financing Support & Assistance atau di mana-mana cawangan Bank Islam yang berdekatan.</p> <p>Pelanggan perlu melengkapkan dan menghantar borang permohonan tersebut berserta dokumen sokongan berikut:</p> <p>a. Bagi pekerja yang bermajikan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Surat pengesahan daripada Sumber Manusia / Majikan berkenaan status pekerja (contoh: pengurangan gaji / cuti tanpa gaji / pemberhentian kerja); <p>b. Bagi yang bekerja sendiri;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Surat akaun bersumpah yang menyatakan pelanggan bekerja sendiri dan jenis perniagaan; ATAU • Salinan pendaftaran syarikat / permit perniagaan dan surat notifikasi daripada pihak berkuasa. <p>Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke cawangan berdekatan untuk tujuan pemprosesan.</p> <p><u>Nota</u> Bank boleh meminta dokumen tambahan dan/atau input untuk</p>

		menyokong permohonan ini (jika berkenaan).
5	Bilakah tarikh akhir untuk pelanggan yang terkesan memohon Program Prihatin – <i>Ketidaktentuan Geopolitik dan Ekonomi Global</i> ?	Pelanggan yang terkesan boleh memohon Program Prihatin – <i>Ketidaktentuan Geopolitik dan Ekonomi Global</i> dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh pendapatan pelanggan terjejas tersebut.
6	Apakah impak kepada baki pembiayaan sekiranya pelanggan menyertai Program Prihatin – <i>Ketidaktentuan Geopolitik dan Ekonomi Global</i> ?	<p>Baki pembiayaan untuk akaun yang menyertai program ini akan menyusut pada kadar yang perlahan dan juga berkemungkinan akan menyebabkan;</p> <p>a) Kenaikan kepada jumlah keseluruhan bayaran sepanjang tempoh pembiayaan dan kenaikan kos pembiayaan keseluruhan (jumlah keseluruhan pembiayaan tidak akan melebihi harga jualan bank) dan/atau;</p> <p>b) Bayaran terkumpul pada ansuran terakhir pembiayaan.</p> <p>c) Keuntungan akan terus terakru ke atas mana-mana bayaran pembiayaan yang telah ditangguhkan dan pelanggan perlu membayarnya pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, keuntungan tersebut tidak akan dikompaunkan.</p>
7	Adakah tempoh matang akaun pembiayaan pelanggan akan dilanjutkan apabila menyertai program ini?	Sebarang lanjutan kepada tempoh matang akaun pembiayaan pelanggan adalah tertakluk kepada aturcara bayaran yang diluluskan.
8	Berapa lamakah untuk pelanggan mengetahui keputusan permohonan Program Prihatin – <i>Ketidaktentuan Geopolitik dan Ekonomi Global</i> ?	Keputusan bagi permohonan yang lengkap akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan dalam masa tujuh (7) hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan.
9	Bagaimanakah dengan laporan akaun pembiayaan pelanggan di dalam laporan kredit (“CCRIS”), Bank Negara Malaysia (“BNM”) sekiranya permohonan pelanggan untuk Program Prihatin – <i>Ketidaktentuan Geopolitik dan Ekonomi Global</i> diluluskan?	Di bawah Program Prihatin – <i>Ketidaktentuan Geopolitik dan Ekonomi Global</i> ini, akaun pembiayaan pelanggan TIDAK akan diklasifikasikan sebagai akaun penjadualan/penstrukturan semula di dalam laporan kredit (“CCRIS”) Bank Negara Malaysia (“BNM”) sekiranya akaun pembiayaan pelanggan tidak tertunggak melebihi 90 hari atau tidak diklasifikasikan sebagai Pembiayaan Tidak Berbayar semasa permohonan lengkap Program Prihatin – <i>Ketidaktentuan Geopolitik dan Ekonomi Global</i> ini diterima.
10	Apakah bentuk bantuan yang ada sekiranya pelanggan tidak memenuhi kriteria program ini?	Pelanggan boleh memohon pakej penjadualan semula Bank Islam dengan mengisi e-borang di laman sesawang rasmi Bank Islam>Need Assistance>Financing Support & Assistance dan memilih permohonan untuk Penjadualan Semula atau mendapatkan bantuan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di talian 03 – 2616 7766 atau di laman sesawang AKPK.
11	Apakah yang perlu pelanggan lakukan sekiranya kedudukan kewangan mereka bertambah baik semasa tempoh program ini?	Pelanggan disarankan untuk berhubung dengan pihak Bank sekiranya aliran kewangan mereka bertambah baik bagi menyusun semula terma bayaran sedia ada termasuk kembali kepada ansuran asal pembiayaan.
12	Bagaimanakah untuk pelanggan menghubungi Bank Islam sekiranya memerlukan maklumat lanjut?	Pelanggan boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan di talian 03 – 2690 0900 untuk mendapatkan maklumat lanjut.